

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : ISU

## Pusat bayar ganti rugi doktor cuai RM20j setahun

**Sungai Petani:** Kerajaan Persekutuan terpaksa membuat pembayaran ganti rugi mencecah RM20 juta setahun ke atas pelbagai kesilapan yang dilakukan terhadap pesakit.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya, berkata kecuaihan daripada segelintir kakitangan dan pegawai perubatan kerajaan terpaksa melakukan bayaran ganti rugi membabitkan jumlah besar.

### 7,000 aduan orang awam

"Setiap tahun, kita menerima kira-kira 7,000 aduan daripada orang awam berkaitan perkhidmatan Kementerian termasuk kekasaran

yang dilakukan sama ada dalam kalangan doktor dan jururawat ke atas pesakit.

"Aduan yang diterima adalah berkaitan interaksi doktor dan jururawat terhadap pesakit selain masalah kelengkapan yang tidak mencukupi dan juga masalah kecuaihan," katanya, semalam.

Beliau berkata pada sidang media pada Majlis Perasmian Makmal Simulasi Komuniti Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKMM) Sungai Petani (Kejururawatan), di sini.

Dalam pada itu, Dr Hilmi berkata, kewujudan makmal simulasi terbabit diharapkan dapat memberi latihan yang lebih sempurna kepada pelatih jururawat dalam

mengendalikan pesakit.

Beliau berkata, jururawat dan doktor adalah golongan yang paling hampir dengan masyarakat, iaitu bermula daripada seseorang itu dilahirkan sehingga individu itu meninggal dunia.

### Interaksi lebih baik

"Jadi, golongan itu khususnya jururawat perlu diberi latihan sempurna supaya mempunyai interaksi yang lebih baik dengan pesakit.

"Saya harap dengan latihan dan kemudahan yang disediakan dapat mengurangkan aduan berkaitan kakitangan kita sekali gus dapat menjaga imej Kementerian," katanya.

[FOTO NOR FARHANI CHE AD/BH]



**Dr Hilmi menunjukkan cara pengurusan bayi kepada pelatih jururawat pada Majlis Perasmian Makmal Simulasi Komuniti ILKMM Sungai Petani (Kejururawatan), semalam.**